

Literasi Maklumat @UniMAP

Bengkel EndNote Terus Mendapat Sambutan

EndNote

Seperti tahun-tahun sebelumnya Perpustakaan terus menganjurkan **bengkel EndNote** yang bertujuan untuk memastikan perisian tersebut dimanfaatkan oleh semua warga UniMAP dengan cara yang betul. Sehingga **April 2009**, sebanyak **4 sesi bengkel** telah dianjurkan atas permintaan dari pengguna perpustakaan. Sesi pertama dan kedua telah diadakan khusus untuk pelajar tahun akhir PPK Mikrolektronik dengan kerjasama wakil pusat pengajian. Seramai 95 orang pelajar tahun akhir PPK Mikrolektronik telah menghadiri bengkel ini yang diadakan di Makmal Komputer PPK Mikrolektronik di Kubang Gajah. Selain itu, atas galakan dari Unit Ijazah Tinggi sebanyak dua sesi bengkel telah diadakan khusus untuk pelajar ijazah tinggi. Kedua-dua sesi ini telah diadakan di **Bilik Pembelajaran Berbantuan Komputer 1 (CAI 1)**, Perpustakaan. Kepada pengguna perpustakaan yang berminat mengetahui dan mempelajari tentang perisian **EndNote** boleh menghubungi **Unit Runding Maklumat** di talian **(04) 979 8601/8553** atau e-mel kepada **rujukan@unimap.edu.my**.



Memantapkan Koleksi Laporan Projek Tahun Akhir Dalam Format Digital

Perpustakaan telah mengadakan sesi **Taklimat Penghantaran Laporan Projek Tahun Akhir** untuk pelajar tahun akhir bertempat di **Dewan Kuliah 1, Kompleks Pusat Pengajaran Seberang Ramai, Kuala Perlis** pada **09 April 2009**. Seramai 70 orang pelajar tahun akhir dari **Pusat Pengajaran**

Kejuruteraan Pembuatan bagi kursus **Pembuatan dan Rekabentuk Produk** telah menghadirinya. Taklimat tersebut telah dikendalikan oleh Pustakawan **Unit Repozitori Digital & Media** iaitu **Encik Mohd Shahrul Annuar Alawi**. Taklimat ini menerangkan tentang keperluan asas dalam proses penghantaran projek tahun akhir dalam format digital. Isu berkaitan hak cipta ke atas penulisan berkenaan juga dihuraikan kepada para pelajar.

MPP Meneroka Sumber Maklumat

Elektronik Perpustakaan

Perpustakaan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi **2008-2009** telah menganjurkan Bengkel Penerokaan Sumber Maklumat khusus untuk semua ahli MPP pada **15-16 Mac 2009** bertempat di Makmal CAI 1. Ini merupakan kali pertama program ini diadakan untuk ahli MPP. Penganjuran program berhasrat untuk meningkatkan kesedaran warga MPP mengenai ketersediaan sumber maklumat. Ini untuk menjadikan warga MPP sebagai duta promosi kepada koleksi, kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan. Mereka yang mengikuti bengkel ini mengemukakan pandangan agar semua pelajar diberi peluang menyertai program sedemikian. Seramai 19 orang ahli MPP telah mengikuti kursus ini yang telah diadakan pada **15 dan 16 Mac 2009**.

Library Scavenger Hunts Untuk MPP

Warga MPP berkesempatan untuk menyertai Library Scavenger Hunts yang bertujuan untuk menilai kefahaman dan kemahiran warga MPP mengenai sumber maklumat elektronik yang ditawarkan oleh Perpustakaan. **Siti Fayyadah Fathy** dan **Nurzharfan Rafei Bui** telah merebut hadiah menarik yang ditawarkan dalam pertandingan berkenaan. Penyampaian hadiah disempurnakan pada **Majlis Pelancaran Kempen Jom Study** pada **09 April 2009**.

